

Membina Kemahiran Kefahaman Membaca Bagi Murid Praaras Kebolehan

Nur Hafizah Ismail

nur_hafizah_ismail_b@schools.gov.sg

Roslinda Naim

roslinda_naim@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Eunus

Abstrak

Menjawab soalan kefahaman ialah satu perkara yang mencabar bagi murid dalam kumpulan praaras kebolehan. Akibatnya, murid tidak menggemari pelajaran kefahaman dan hal ini menjejaskan pencapaian mereka dalam komponen kefahaman. Justeru, kajian tindakan ini dijalankan bagi membantu proses pemahaman murid dan meningkatkan kemahiran menjawab soalan kefahaman dengan menerapkan strategi Soal-Jawab-Kaitan atau *Question-Answer-Relationships* (QAR) dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV). Kajian ini melibatkan 10 orang murid Darjah 4 yang berada dalam praaras kebolehan. Terdapat juga murid ADHD, disleksia dan kurang pendengaran dalam kalangan mereka. Dapatan kajian menunjukkan kesan yang positif terhadap pencapaian murid. Penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) membantu guru merancang pelajaran dengan lebih berstruktur. Aktiviti mengajar seperti penggunaan imejan telah membantu murid memahami teks dengan lebih berkesan. Dapatan kajian menunjukkan, Strategi QAR dapat membantu murid memahami soalan literal dan inferens secara berperingkat bermula dengan mengenal kata tanya diikuti dengan kata kunci dan seterusnya mengenal pasti jawapan dalam teks.

Kata Kunci: Praaras kebolehan, strategi QAR, rutin berfikir, kefahaman subjektif



PENGENALAN

Kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal diperlukan bagi membolehkan murid membina keupayaan mereka untuk berfikir secara kreatif dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan menyelidik keberkesanan pengajaran yang menekankan pembinaan kemahiran berfikir, khususnya kemahiran membina pemahaman dan pemaknaan bagi teks yang dibaca. Kajian ini dijalankan bagi membantu murid membina pemahaman mental, proses untuk menggabungkan maklumat yang diketahui dengan pemahaman dan pengalaman peribadi yang sekaligus menyedarkan murid tentang kepentingan memiliki penguasaan dan pengetahuan kosa kata yang luas.

PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman subjektif merupakan salah satu komponen yang kurang digemari oleh murid praaras kebolehan. Ketika melakukan tinjauan persepsi tentang kefahaman subjektif, terdapat beberapa sebab mengapa murid kurang menggemari komponen ini. Antaranya adalah, murid mengalami kesukaran memahami kandungan teks dengan baik. Mereka kurang berjaya mengenal pasti idea-idea utama yang hendak disampaikan kerana penguasaan dan pemahaman yang terhad dan tidak memahami kehendak soalan. Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa murid-murid tidak menggemari komponen kefahaman subjektif kerana lemah penguasaan kosa kata yang menjejaskan mutu jawapan mereka.

Pemerhatian dan pemantauan kelakonan murid melalui latihan kefahaman, latihan dan tugas pembelajaran dalam kelas dan penilaian sumatif menunjukkan bahawa guru perlu melakukan perancangan semasa merancang pengajaran kefahaman membaca. Oleh itu, strategi QAR dan rutin berfikir telah digunakan bagi membantu proses pemahaman murid dan meningkatkan kebolehan mereka menjawab soalan kefahaman.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid praaras kebolehan memahami teks dan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam membantu murid memahami jalan cerita dan kandungan teks; dan
3. menilai keberkesanan strategi QAR untuk menjawab soalan kefahaman subjektif.



KAJIAN LEPAS

MTV yang dipelopori oleh Ron Ritchhard dan David Perkins (2005), menekankan tiga amalan teras, iaitu rutin berfikir, dokumentasi pemikiran murid dan amalan profesional yang reflektif. Kaedah yang digunakan membolehkan guru melihat cara pemikiran murid dengan lebih jelas. Rutin berfikir yang digunakan dalam pengajaran dapat memandu proses pemikiran murid. Murid dapat mempelajari sesuatu maklumat, memproses maklumat dalam minda dan kemudiannya, melahirkan idea. Hal ini dapat dilihat dengan jelas semasa murid melakukan proses dokumentasi hasil pemikiran mereka. Terdapat pelbagai cara bagi murid mendokumentasikan pemikiran mereka secara visual. Sebagai contoh, murid boleh menggunakan peta minda atau rangsangan grafik.

Ron Ritchhard dan David Perkins (2005), dalam kajian *Project Zero*, menegaskan bahawa penggunaan rutin berfikir menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Guru dapat memantau, menilai dan memahami cara pemikiran murid semasa murid bertukar-tukar fikiran dan pendapat sesama rakan. Dengan ini, guru dapat merancang pengajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

Dapatan kajian Butler (2010) menunjukkan bahawa pengajaran kefahaman secara eksplisit dan penggunaan strategi yang pelbagai amat berkesan untuk membangunkan pemahaman murid tentang kandungan teks yang dibaca. Penggunaan arahan secara eksplisit dengan contoh menjurus kepada pengajaran yang berpusatkan murid, akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan.

Menurut Korabiak dan Mete (2004), dalam proses membaca teks, pembaca perlu memahami isi teks yang meliputi maklumat, penerangan atau perkara yang penulis mahu sampaikan. Proses membaca merupakan sesuatu yang kompleks kerana perlu melibatkan pemikiran. Tanpa memahami teks yang dibaca, pembaca tidak dianggap menguasai kemahiran membaca.

Menurut Mahzan Arshad (2008) pula, membaca dan memahami merupakan proses yang konstruktif. Maka, perancahan perlu dilakukan agar murid dapat memahami teks dengan sepenuhnya sebelum mereka cuba menjawab soalan yang mengikutinya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir yang diutarakan oleh Ritchhart R., Church M. dan Morrison K. (2011). Rutin berfikir disusun dalam tiga kelompok, iaitu



rutin untuk mengenalkan dan meneroka idea, rutin untuk mensintesis dan menyusun idea dan rutin untuk mengupas idea lebih mendalam. Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah digunakan sebagai instrumen PdP bagi kajian ini. Dengan adanya templat rutin berfikir yang disediakan, murid dapat melahirkan pemikiran mereka dengan lebih jelas dan nyata.

Selain itu, strategi QAR juga digunakan untuk mengajar strategi kefahaman. Strategi QAR oleh T. E. Raphael (1982), merupakan asas pengajaran tiga strategi kefahaman iaitu mencari maklumat, menunjukkan struktur teks dan cara penyusunan maklumat dan menentukan bila pembaca perlu membuat inferens. QAR menjelaskan kepada murid kaitan antara soalan dengan jawapan, cara untuk mengkategorikan jenis dan peringkat soalan. Perinciannya seperti yang berikut.

Di Situ – Soalan Literal

Jawapannya mudah didapati di dalam teks. Sering perkataan yang dinyatakan sama dengan perkataan yang terdapat dalam teks.

Fikir dan Cari – Soalan Inferens

Jawapannya terdapat dalam teks tetapi memerlukan pengumpulan daripada beberapa bahagian dalam teks.

Penulis dan Kamu

Maklumat dalam soalan terdapat dalam teks. Pembaca menggunakan pengetahuan sedia ada dengan maklumat yang terdapat dalam teks untuk menjawab soalan.

Saya Sendiri

Jawapannya tidak terdapat dalam teks. Pembaca menggunakan pengetahuan untuk memberikan respons.

Bagi melaksanakan kajian ini dengan lebih baik, penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) diambil kira. Sila rujuk Jadual 1 bagi proses pengajaran, iaitu pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) yang dipilih disesuaikan dengan objektif pelajaran dan keperluan murid.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang minat	AM1: Menggunakan cerita dan imejan Imejian digunakan untuk membangkitkan minat murid. Penggunaan imejan dapat membantu murid menyumbang kepada pengalaman pembelajaran mereka. Apabila motivasi murid dapat diaktifkan murid akan berusaha untuk mengetahui apa yang akan dipelajari.
	AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru menggunakan tunjuk cara bagi memastikan murid mengetahui dan memahami apa yang akan dipelajari. Tunjuk cara juga bertujuan untuk merangsang minat belajar murid apabila mereka jelas apa yang akan mereka pelajari. Guru memastikan penerangannya jelas supaya murid dapat melengkapkan tugas seperti yang diharapkan. Selain itu, guru menggunakan soalan-soalan panduan untuk mendapatkan pelibatan murid dan menilai pemahaman mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	AM1: Maklum balas dalam bentuk komen sahaja Guru memberi komen dan penerangan kepada murid semasa pengajaran dijalankan. AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Dengan penerapan AM3 ini, ia membantu guru untuk melihat sejauh mana PdP memenuhi hasil pembelajaran murid dan memberikan murid peluang untuk mengurangkan jurang apa yang tidak difahami sebelum ini. Murid juga dapat memantau dan menyemak pembelajaran mereka secara berkumpulan dan sendiri. Ia juga menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Penggunaan imejan membantu pemahaman murid yang disokong dengan penerangan yang jelas dan maklum balas yang diberikan pada setiap peringkat pembelajaran. Murid juga dapat meningkatkan penilaian secara sendiri apabila aktiviti mengajar 'Saya Buat, Saya Tahu dan Saya Semak' diterapkan.	



Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 10 orang murid Darjah 4 Bahasa Melayu yang berada pada tahap praaras keupayaan. Murid terdiri daripada murid ADHD, disleksia dan kurang pendengaran. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam menjawab soalan kefahaman subjektif.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini merangkumi penerapan strategi QAR dan rutin berfikir. Bahan-bahan yang digunakan ialah imejan, lembaran tugas rutin berfikir, lembaran kerja kefahaman membaca, kad kata tanya, kad QAR, pas keluar dan rubrik penilaian sendiri. Lembaran kerja kefahaman membaca menggunakan teks jenis naratif yang mengandungi empat soalan kefahaman literal dan inferens.

Guru juga melakukan pemerhatian terhadap sikap dan pemahaman murid ketika menggunakan rutin berfikir dan strategi QAR. Dengan ini, guru dapat menilai keberkesanan instrumen yang digunakan.

Prosedur Kajian

Sebanyak empat pelajaran dijalankan bagi kajian tindakan ini. Soalan-soalan yang diberikan hanya berbentuk soalan literal dan inferens. Pada langkah pertama, guru akan menerangkan matlamat pembelajaran kepada murid agar objektif pengajaran boleh dicapai oleh murid secara sedar. Murid dapat menilai tahap pemahaman mereka melalui penggunaan pas keluar.

Guru menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya sebagai aktiviti pramembaca mengenai topik yang berkaitan dengan teks kefahaman. Dengan menggunakan unsur-unsur visual seperti gambar dan klip video, murid dibimbing untuk memberikan pandangan tentang perkara yang mereka lihat dan mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan gambar dan klip video tersebut.. Perbincangan dijalankan secara teratur dan berstruktur dengan menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Soalan-soalan yang diajukan memberi peluang kepada murid untuk melakukan ramalan dan menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pemerhatian tentang isi-isi yang terdapat dalam teks dengan teliti.

Dalam aktiviti membaca pula, murid membaca teks kefahaman dengan senyap sambil menyerlahkan perkataan yang dianggap sukar. Guru akan menerangkan perkataan-perkataan yang dianggap sukar dalam setiap



perenggan dengan menggunakan slaid *Powerpoint*. Murid akan menulis makna perkataan tersebut. Di samping itu, guru juga akan berbincang tentang setiap perenggan bersama murid.

Bagi aktiviti pascamembaca pula, murid akan membaca soalan, menandakan kata tanya dan menyerlahkan kata kunci dalam soalan itu. Selepas itu, mereka akan melihat kad kata tanya bagi merujuk pada fungsi kata tanya bagi soalan itu.

Selanjutnya, mereka akan merujuk pula pada teks kefahaman untuk mencari dan menyerlahkan kata kunci tersebut. Dengan mengaplikasikan strategi QAR, murid akan mencari jawapan yang sesuai bagi soalan literal atau inferens.

Sebagai penutup pengajaran, murid akan menilai pemahaman mereka dengan menggunakan pas keluar dan rubrik penilaian sendiri. Maklumat yang didapati daripada pas keluar dan rubrik ini dapat membantu guru untuk merancang pengajaran seterusnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berbanding dengan keputusan SA1, murid telah menunjukkan peningkatan markah yang signifikan bagi soalan kefahaman. Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, murid telah menunjukkan sikap yang lebih positif dalam pelajaran kefahaman. Mereka ghairah memberikan respons terhadap perbincangan berasaskan soalan-soalan berpandu rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Rutin ini dapat meningkatkan tahap pelibatan murid agar lebih aktif semasa PdP dijalankan.

Jadual 2: Contoh Hasil Idea Murid dengan Menggunakan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya (Keharmonian Kaum)

Lihat Apakah yang kamu lihat?	Fikir Apakah yang kamu fikirkan apabila melihat imejan ini?	Tanya Apakah yang kamu ingin tahu?
<ul style="list-style-type: none"> • empat bangsa • baju kurung • baju sari • ceongsam • baju tradisional 	<ul style="list-style-type: none"> • mereka sahabat • nampak kemas • sari cantik • sambutan • gembira 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengapakah mereka memakai baju tradisional? • Apakah acara yang akan mereka hadiri? • Siapakah yang hadir?



Jadual 3: Contoh Hasil Idea Murid dengan Menggunakan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya (Kunjungan Mesra)

Lihat Apakah yang kamu lihat?	Fikir Apakah yang kamu fikirkan apabila melihat imejan ini?	Tanya Apakah yang kamu ingin tahu?
<ul style="list-style-type: none"> • ramai orang datang • mereka gembira • kanak-kanak melompat di atas katil 	<ul style="list-style-type: none"> • mereka melawat saudara mara • ada kanak-kanak yang tidak sopan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengapakah mereka datang melawat? • Mengapakah tuan rumah tidak menegur mereka?

Terdapat empat sesi pembelajaran bagi melihat tahap kefahaman membaca murid. Berdasarkan latihan yang diberikan, murid didapati berupaya memahami dan menjawab soalan terutama soalan literal. Bagi soalan inferens, sebahagian murid memerlukan pemahaman dan bimbingan. Terdapat taburan markah yang tidak konsisten bagi latihan 1 hingga 4 terutama bagi latihan 4 bagi beberapa murid seperti Murid E dan G. Hal ini berlaku kerana terdapat tahap kepayahan yang meningkat bagi terutamanya soalan inferens yang diajukan.

Jadual 4: Taburan Markah Murid Berdasarkan Latihan Kefahaman

No	Murid	Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3	Latihan 4
1	A	6	7	6	3
2	B	6	7	6	6
3	C	4	7	6	6
4	D	3	7	5	5
5	E	8	8	7	6
6	F	8	7	6	8
7	G	8	7	6	6
8	H	5	8	6	6
9	I	6	7	8	7
10	J	8	7	7	5

Berikut merupakan Contoh latihan kefahaman murid bagi Soalan Literal.

Jawapan	KT Apakah yang telah dipelajari oleh Ani dan kawan-kawannya dalam kelas? Mereka mempelajari pentingnya untuk hidup dalam keadaan harmoni di Singapura dan cara bermain permainan tradisional.
Teks	Ani dan Lisa tersenyum lebar pada hari itu kerana dapat bermain pelbagai jenis permainan tradisional.
Jawapan	KK Nyatakan perasaan Ani dan Lisa pada Hari Keharmonian Kaum di sekolah. Mereka berasa gembira pada Hari Keharmonian Kaum di sekolah.

Dapatan daripada pas keluar dan rubrik penilaian sendiri, jelas menunjukkan bahawa terdapat ramai murid yang dapat mengenal pasti fungsi kata tanya dan mencari kata kunci atau kata utama sama ada dalam teks ataupun soalan. Mereka juga lebih yakin menjawab soalan kefahaman kerana mereka bukan sahaja mengetahui fungsi kata tanya tersebut, malah mereka juga dapat mengaplikasikan apa yang diajar ketika menjawab soalan kefahaman. Berikut merupakan contoh dapatan berdasarkan pas keluar dan rubrik penilaian sendiri. Rujuk Jadual 7-9.

Jadual 7: Pas Keluar bagi Latihan 1

No	Saya boleh ...		
1	memahami makna perkataan		
	Kosa Kata	Makna	Jumlah yang betul
	• gubahan	• ciptaan	40%
	• tokoh	• orang kenamaan	70%
	• pameran	• pertunjukan	40%
	• pelbagai	• beberapa jenis	40%
	• tekun	• buat dengan bersungguh-sungguh	60%
	Saya boleh ...	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>	
2	mengenal kata kunci/kata utama	100%	
3	mencari jawapan dalam teks	100%	

N=10

Jadual 8: Rubrik Penialian Kendiri bagi Latihan 2

No	Saya boleh...	☆☆☆☆	☆☆☆	☆☆	☆
1	Memahami teks mengenai 'Kunjungan Mesra'	10%	50%	30%	10%
2	Mengenal jenis Kata Tanya	80%	10%	10%	0
3	Mengenal kata kunci/kata utama	40%	30%	20%	10%
4	Mencari jawapan dalam teks	50%	40%	10%	0
5	Menjawab soalan literal dengan betul	40%	50%	10%	0

N=10

Jadual 9: Rubrik Penilaian Kendiri bagi Latihan 3

No	Saya boleh...	☆☆☆☆	☆☆☆	☆☆	☆
1	Memahami teks mengenai 'Hari Keharmonian Kaum'	20%	50%	30%	0
2	Mengenal jenis Kata Tanya	50%	40%	10%	0
3	Mengenal kata kunci/kata utama	30%	60%	10%	0
4	Mencari jawapan dalam teks	20%	70%	10%	0
5	Menjawab soalan inferens dengan betul	0	70%	30%	0

N=10

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan strategi QAR dalam pembelajaran kefahaman. Namun, masih ada murid yang belum mencapai keupayaan untuk mempraktikkan strategi QAR secara berdikari. Penelitian tahap kepayahan soalan harus dipertingkatkan lagi dengan lebih teliti bagi memenuhi keperluan soalan-soalan inferens. Pengukuhan bagi soalan inferens harus dijalankan dengan lebih kerap agar murid dapat lebih memahami dan mengenal pasti kata kunci untuk soalan jenis ini.



Soalan 3 dan 4 yang tidak ada kata tanya, perlu diajar dengan lebih eksplisit agar murid lebih memahami tujuan dan kehendak soalan. Walau bagaimanapun, murid berusaha untuk mengenal pasti isi jawapan. Oleh itu, sebagai aktiviti susulan, guru perlu merancang pengajaran kefahaman menggunakan strategi QAR secara eksplisit. Bagi membimbing murid dalam kumpulan ini, guru harus memastikan tahap kepayahan teks perlu berperingkat.

Guru perlu mempelbagaikan cara pengajaran dengan menggunakan strategi pengajaran yang dapat memenuhi keperluan murid demi meningkatkan hasil pembelajaran mereka. Pengajaran kefahaman haruslah dibina secara berperingkat bukan sahaja untuk memastikan murid dapat menjawab soalan kefahaman malahan aspek memahami teks yang dibaca juga harus dianggap penting. Hal ini selaras dengan pandangan Mahzan Arshad bahawa membaca dan memahami merupakan proses yang konstruktif untuk membolehkan murid memahami teks dengan sepenuhnya sebelum mereka menjawab soalan.

Kajian tindakan ini hanya menjangkau empat sesi atau waktu pelajaran sahaja. Oleh itu, masih boleh dilanjutkan strategi pengajaran QAR dalam latihan di bilik darjah bagi mengukuhkan pemahaman murid dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

- Korabiak, K., & Mete, N. (2004). ICT in the discipline of reading. Dimuat turun pada Oktober 2018, dari <http://www.uoregon.edu/~moursund/DigitalAge1/Project-Reading.pdf>.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan Dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Project Zero Website: <http://www.pz.harvard.edu> Cultures of Thinking Project at Bialik College a Pre-K to 12 school in Melbourne, Australia which began in 2005 with Ron Ritchard and Howard Gardner being Co-Principal Investigators.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford graphic Pte Ltd.
- Raphael, T. (1982). *Improving question-answering performance through instruction*. Reading Education Report No. 32. University of Illinois at Urbana-Champaign: Center for the Study of Reading.

Shari Butler, Kelsi Urrutia, Anneta Buenger & Maria Hunt. (2010). A Review of the Current Research on Comprehension Instruction. Review of Book online.

